

# AWS labur RM25.5 bilion di Malaysia

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**  
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia bakal menyaksikan peningkatan yang lebih besar dalam transformasi digital dan kepercayaan digital dalam masyarakat, didorong oleh pelaburan baharu daripada Amazon Web Services (AWS) bernilai RM25.5 bilion.

Pelaburan bagi tempoh 15 tahun tersebut adalah untuk infrastruktur 'rantau' baharu di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaburan teknologi antarabangsa terbesar setakat ini itu, akan membawa kepada inovasi dan pelaburan yang lebih besar kepada negara.

Katanya, pelaburan tersebut akan mendorong negara untuk benar-benar menjadi pusat data dan hab digital Asia Tenggara.

"Kehadiran akses kepada infrastruktur AWS bertaraf dunia, teknologi termaju dan program kemahiran digital termaju ke Malaysia akan membuka peluang untuk perniagaan tempatan membina dan berkembang di peringkat global.

"Ini dapat memupuk tenaga kerja yang dipacu secara digital, memacu penciptaan pekerjaan dan menyampaikan pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

"Pengumuman hari ini menunjukkan keyakinan dan sokongan terhadap kepimpinan Malaysia dalam ekonomi digital global dan kami berharap untuk mengeratkan lagi kerjasama dengan AWS untuk memajukan cita-cita



**RAFIZI Ramli (lima dari kanan), Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz (empat dari kanan) dan Mai-Lan Tomsen-Bukovec (lima dari kiri) pada majlis AWS Malaysia Cloud Day, semalam.**

ekonomi digital negara," katanya dalam ucapan yang dirakamkan pada *AWS Malaysia Cloud Day* di sini, semalam.

Majlis dihadiri oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz dan

Naib Presiden Teknologi AWS, Mai-Lan Tomsen-Bukovec.

Anwar berkata, pelaburan itu juga akan memajukan visi Malaysia MADANI iaitu ekonomi berkemahiran tinggi, inovatif, inklusif dan mampan, yang mana kekayaan dikongsi dengan lebih saksama.

Menurut Perdana Menteri, pihaknya telah melihat sejumlah besar syarikat Malaysia daripada

syarikat permula niaga kepada perusahaan mengubah perkhidmatan dan proses mereka, menghasilkan inovasi yang lebih besar, pemrosesan data yang lebih selamat dan kos operasi yang lebih rendah dengan penyedia perkhidmatan 'Cloud' (awan) seperti AWS.

"Petroleum Nasional Bhd. menjadi contoh bagaimana sebuah organisasi terkemuka Malaysia

mempercepatkan perjalanan transformasi digital dengan memanfaatkan kuasa awan untuk memodenkan teknologi maklumatnya.

"Ia telah memacu operasi yang lebih bijak dan keputusan yang lebih pantas melalui cerapan daripada analisis data dan membina aplikasi digital baharu seperti Setel untuk meningkatkan pengalaman pelanggan," ujarnya.